

BIBLIOGRAPHIC INFORMATION

Title	LAPORAN PELAKSANAAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2006 - 2010
Source	Ministry of Education
Author 1	Ministry of Education
Author 2	NA
Author 3	NA
Publication/Conference	NA
Edition	NA
Document Type	Report
CPI Primary Subject	Education
CPI Secondary Subject	Education Development Plan; ;
Geographic Terms	Malaysia;
Abstract	LAPORAN PELAKSANAAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2006 - 2010

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Pusat Iniatif Polisi

政策倡议中心

<http://www.cpiasia.org>

KAD LAPORAN

PELAKSANAAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2006 - 2010

PENGENALAN

Rancangan Malaysia Kesembilan telah dilancarkan pada 31 Mac 2006 iaitu rancangan lima tahun pertama daripada tiga rancangan lima tahun yang akan memacu Misi Nasional ke arah mencapai Wawasan 2020. Rancangan ini merupakan kesinambungan perancangan Kerajaan membentuk sebuah negara yang maju ekonominya; seimbang pembangunan sosialnya; memiliki warga yang bersatu padu, berbudaya, berpekerti mulia, berkemahiran, berfikiran maju dan berpandangan jauh. Peranan pendidikan amat penting dalam menjayakan Misi Nasional, dan dua daripada lima teras tersebut iaitu teras kedua dan teras ketiga yang menyatakan peranan pendidikan secara langsung.

Untuk menyahut dan menjayakan agenda pendidikan di bawah RMKe-9, KPM telah menggubal Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 (PIPP) yang merupakan pelan pelaksanaan dan telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 16 Januari 2007. Pelan ini menggariskan enam teras utama bagi menjayakan Misi Nasional dalam RMKe-9. Dalam PIPP ini, enam teras strategik diberi tumpuan iaitu i) membina negara bangsa yang, ii) membangunkan modal insan, iii) memperkasakan sekolah kebangsaan, iv) merapatkan jurang pendidikan, v) memartabatkan profesion keguruan serta vi) melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan yang sedia ada. Pelaksanaan PIPP menggunakan dua pendekatan iaitu i) menyelesaikan tugas yang belum selesai untuk menyamaratakan medan persaingan; dan ii) melonjakkan kecemerlangan pendidikan dengan menjana kecemerlangan institusi pendidikan. Sesungguhnya, bagi melaksanakan PIPP, KPM perlu melipatgandakan usaha menggarap kejayaan lebih unggul demi **Merintis Pembaharuan : Satu Misi Nasional**.

Kejayaan PIPP memerlukan penglibatan dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak yang berkepentingan dalam dan luar KPM. Segala pelaksanaan program/projek perlu dilaksanakan secara telus dan terbuka kerana setiap individu berhak terhadap pendidikan. Oleh itu, KPM telah mengenal pasti indikator prestasi

utama (KPI) untuk setiap teras bagi memudahkan pemantauan pelaksanaan. Berlandaskan ini serta pengagihan siling peruntukan yang terbesar kepada pendidikan, KPM komited dalam menyediakan kad laporan prestasi, dua kali setahun.

Kad Laporan ini menerangkan secara amnya pencapaian KPM semenjak pelancaran RMKe-9 sehingga Jun 2007 yang meliputi tiga aspek utama iaitu i) pembangunan infrastruktur, ii) penggubalan dasar baru dan penambahbaikan dasar sedia ada serta iii) laporan mengenai program-program yang dilaksanakan dan pencapaian semenjak PIPP dilancarkan sehingga Jun 2007.

PENCAPAIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PENDIDIKAN DALAM RMKE-9

Dalam RMKe-8, KPM telah menerima peruntukan dengan siling RM22.66 bilion untuk pendidikan, sementara dalam RMKe-9, KPM menerima peruntukan dengan siling RM23.198 bilion bagi melaksanakan 17, 179 projek pembangunan. Projek baru berjumlah 16,735 dengan siling RM20.704 bilion dan projek sambungan RMKe-8 berjumlah 444 dengan siling RM2.494 bilion. Daripada keseluruhan dalam RMKe-9 ini 96.67 peratus projek adalah di bawah pembiayaan peruntukan pembangunan dan 3.33 peratus adalah pembiayaan *Private Finance Initiatives* (PFI). KPM membiayai projek pembangunan pendidikan dengan peruntukan siling RM17.087 bilion, Jabatan Kerja Raya melaksanakan dengan peruntukan Siling RM6.071 bilion dan JPPS melaksanakan dengan peruntukan siling sebanyak RM38.8 juta (Perincian projek seperti di **LAMPIRAN 1**).

Sehingga Jun 2007, projek baru RMKe-9 yang siap dan sedang dibina ialah 4639 (27.7%) daripada jumlah keseluruhan projek. Bagi projek sambungan RMKe-8, projek yang siap ialah 432 (97.2%). Selain itu, tambahan RM2.6 bilion telah diperuntukkan bagi 9,355 projek berimpak tinggi bagi melonjakkan pendidikan luar bandar. (Jadual Pencapaian Mengikut Program seperti di **LAMPIRAN 2**).

Menyedari kepentingan pendidikan aliran lain sebagai asas perpaduan dan pembangunan ekonomi negara, KPM juga tidak mengabaikan pembangunan

pendidikan anak-anak yang bersekolah di SJKC, SJKT dan Sekolah Agama Rakyat serta Sekolah Agama Negeri. Oleh sebab ini, YB Menteri Pelajaran berserta Timbalan Menteri Pelajaran telah pun berjaya menempatkan semula 9 buah SJKC di kawasan yang padat dengan masyarakat Cina serta meluluskan permohonan pembinaan dua buah SJKC baru. Sekolah yang telah ditempatkan semula ialah SJKC Keat Hwa (K) Alor Setar, SJKC Thourbun, Kluang, SJKC Poi Lam, Ipoh, SJKC Rasa, Hulu Selangor, SJKC Yong Peng, SJKC Ladang Bradwell, Siliau, Negeri Sembilan, SJKC Eng Leng (Lumut), SMJK Por Thay (Pulau Pinang) dan SJKC Chung Hua, Selangor (masih dalam permintaan untuk ditempatkan semula). Manakala dua buah sekolah baru tersebut ialah SJKC Tun Tan Siew Sin di Puchong, Selangor dan SJKC Kulai 2 di Johor. Selain itu, SJKT Ladang Sungai Salak Siliau yang menumpang di SJKT Bandar Springhill telah diluluskan pemindahan ke bandar Lukut. KPM juga telah memperakukan ubah suai/naik taraf beberapa SJKT di seluruh negara.

Selain ini, siling peruntukan bantuan modal bagi sekolah-sekolah tersebut juga mendapat peruntukan tambahan daripada RM50juta dalam RMKe-8 kepada RM100juta dalam RMKe-9. Sehingga kini, sebanyak RM37.57 juta telah diberikan kepada sekolah bantuan kerajaan termasuk SJKC sebanyak RM17.89juta, SJKT sebanyak RM7.08juta dan Sekolah Mubaligh sebanyak RM11.87juta, manakala Sekolah Agama Bantuan Kerajaan sebanyak RM733ribu. Selain itu, KPM juga telah memperlihatkan kejayaan dalam usaha mendaftar Sekolah-sekolah Agama Rakyat /Negeri dengan KPM yang dikenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Sekolah-sekolah ini akan mendapat semua kemudahan seperti yang diperoleh oleh sekolah bantuan kerajaan yang lain seperti guru-guru terlatih, emolumen guru, PCG murid dan peruntukan pengurusan. Sehingga ini, sebanyak 119 buah sekolah agama rakyat /negeri di seluruh negara telah pun mendaftar sebagai SABK dan seramai 4545 guru sekolah-sekolah tersebut telah diserap sebagai kakitangan kerajaan dan mendapat gaji berdasarkan skim pendidikan yang sedia ada. Manakala bilangan murid yang mendapat kemudahan pendidikan ialah seramai 29597 orang termasuk peringkat rendah dan menengah.

Walaupun, KPM telah berjaya melaksanakan beberapa projek pembangunan pendidikan, masih terdapat projek-projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan

dengan sepenuhnya kerana masalah-masalah seperti mendapat tapak dan lokasi yang sesuai.

PEMANTAPAN DASAR - DASAR PENDIDIKAN SEDIA ADA DAN PELANCARAN DASAR-DASAR BARU

Selain daripada melaksanakan pembangunan fizikal, KPM telah juga mengambil inisiatif untuk menentukan sokongan dan penambahbaikan kepada dasar-dasar sedia ada bagi memastikan pembangunan pendidikan yang dirancang dalam PIPP 2006 – 2010 dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Senarai penuh dasar pendidikan dan program yang telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri semenjak tahun 2006 adalah seperti di **LAMPIRAN 3**.

Dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, beberapa dasar baru yang telah dihasilkan dan memberi impak kepada pendidikan adalah seperti berikut:

1. Menangani Gejala Disiplin (26 April 2006)

Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya program dan aktiviti menangani gejala disiplin murid di sekolah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM6,114,000 dan usaha menangani gejala disiplin murid di sekolah bekerjasama dan mendapat bantuan daripada semua kementerian dan agensi kerajaan bagi mewujudkan suasana kehidupan berdisiplin di kalangan murid sekolah.

KPM amat prihatin tentang gejala sosial dan masalah disiplin yang semakin meningkat dalam dan luar sekolah menyebabkan KPM telah mengambil tindakan dengan menubuhkan Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid dan Sekretariat Tetap di peringkat JPN dan PPD/G. Hasilnya kes disiplin pelajar telah berkurangan daripada 2.27 peratus pada tahun 2006 kepada 2.10 peratus pada Jun 2007. Penglibatan murid dalam kes jenayah, disiplin dan salah laku telah juga berkurangan daripada 0.03 peratus pada

tahun 2006 kepada 0.02 peratus pada Jun 2007. Selain itu, JPN dan PPD/PPG di seluruh negara telah mewujudkan program permuafakatan dengan agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan bukan kerajaan termasuk PIBG bagi membantu melaksanakan tindakan yang lebih holistik dalam menangani masalah disiplin murid.

2. Memperkukuhkan Daya Saing Sekolah-Sekolah Antarabangsa Malaysia di Rantau Asia
(10 Mei 2006)

Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk meningkatkan penyertaan warganegara Malaysia mengikuti pengajian di sekolah-sekolah antarabangsa tidak melebihi 40 peratus daripada enrolmen pelajar yang diluluskan. Ini diharapkan menjana pertumbuhan sekolah-sekolah antarabangsa selain menarik pelabur asing ke negara ini. Dengan cara ini, kerajaan dapat mengelakkan daripada pengaliran mata wang ke luar dan pada masa yang sama, dapat mengelakkan berlaku *brain drain* di kalangan tenaga kerja.

3. Bertanding Untuk Kerusi Lembaga Kerja UNESCO, Di Persidangan Agung UNESCO Ke-34, Oktober 2007 (6 Oktober 2006)

Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan Malaysia bertanding kerusi Lembaga Kerja UNESCO bagi tempoh 2007 hingga 2011 semasa Persidangan Agung UNESCO ke-34 pada bulan Oktober 2007 dengan pencalonan Y.B. Menteri Pelajaran sebagai calon Malaysia dalam Lembaga Kerja UNESCO. Peruntukan sebanyak RM150,000 bagi melaksanakan persediaan strategi-strategi melobi kerusi Lembaga Kerja UNESCO di Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia (PPTM), Paris, Perancis sepanjang tahun 2006 dan peruntukan sebanyak RM600,000 untuk melaksanakan program dan aktiviti melobi oleh setiap Jawatankuasa Kecil Tetap, Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) dan PPTM pada tahun 2007 telah diluluskan. Peruntukan geran tahunan SKUM dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM900,000 bagi melaksanakan semua program dan

aktiviti SKUM mulai tahun 2007, dan supaya seorang Atase Sains ditempatkan di PPTM ke UNESCO

4. Merapatkan Jurang Pendidikan Melalui TV Pendidikan (6 Disember 2006)

Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penyiaran TV melalui web sebagai salah satu usaha merapatkan jurang digital. Penyiaran TV pendidikan melalui web juga akan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, selain dapat menangani masalah penjadualan siaran yang kurang sesuai dengan jadual persekolahan.

5. Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) Dan e-integrasi Di Sekolah
(10 Januari 2007)

Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM25,879,620 untuk program RIMUP dan e-integrasi KPM. Selain itu, mesyuarat ini telah meluluskan struktur baru bagi memantapkan program RIMUP supaya dapat menyubur dan mempertingkatkan semangat kerjasama antara kaum dilaksanakan secara terancang dan sistematik dalam mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional yang bermula di peringkat sekolah. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM15.8 juta digunakan untuk pembiayaan program RIMUP manakala RM10 juta lagi adalah untuk pembiayaan e-Integrasi yang akan dikendalikan oleh Yayasan Kemajuan Sosial Malaysia (YKS). e-Integrasi merupakan interaksi secara *virtual* dalam RIMUP yang menggunakan platform ICT bagi memupuk hubungan dan persefahaman murid pelbagai kaum secara tidak formal. Program rintis e-Integrasi yang melibatkan 527 buah sekolah rendah bermula Jun 2007 ini. Selain itu, sehingga Jun 2007, sebanyak 250 sekolah menengah telah menubuhkan Kelab Rukun Negara dengan keahlian seramai 100,000 orang murid.

6. Penganjuran Program Rangkaian Sekolah ASEAN Malaysia pada 26 Ogos hingga 1 September 2007. (20 Jun 2007)

Mesyuarat Jemaah Menteri meluluskan supaya usaha mewujudkan rangkaian kerjasama di antara sekolah-sekolah di Malaysia dengan sekolah-sekolah di kalangan negara anggota ASEAN merupakan sebahagian daripada inisiatif pengantarabangsaan KPM melalui kegiatan kokurikulum. Sebelum ini telah pun wujud rangkaian sekolah-sekolah di Malaysia dengan sekolah-sekolah luar negara melalui pelbagai kegiatan kokurikulum seperti sukan, pasukan beruniform, kebudayaan dan lain-lain. Bagi memperkukuhkan rangkaian tersebut terutama sekolah-sekolah di kalangan negara anggota ASEAN, KPM telah mengemukakan satu Memorandum Jemaah Menteri untuk menganjurkan Program Rangkaian Sekolah-sekolah Malaysia – Asean sempena sambutan Kemerdekaan ke – 50 pada 26 Ogos hingga 1 September 2007 dan cadangan tersebut telah pun diluluskan.

7. Langkah-Langkah Menangani Ketidakseimbangan Keperluan dan Penawaran Guru
(12 Julai 2006)

Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan untuk meningkatkan kerjasama dan penyelarasan di antara KPM dan KPT dalam;

- Penyediaan unjuran keperluan guru yang komprehensif secara bersama meliputi keperluan guru dan pensyarah untuk sekolah, kolej matrikulasi, kolej komuniti dan politeknik
- Pengagihan program latihan perguruan antara Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). IPG akan melatih untuk melatih guru untuk prasekolah dan sekolah rendah, manakala IPTA akan memberikan fokus untuk melatih guru untuk sekolah menengah, kolej matrikulasi, kolej komuniti dan politeknik
- Penetapan prosedur yang standard bagi proses pemilihan calon guru dan pelantikan jawatan, serta
- Peningkatan pertukaran kepakaran dan penyelidikan

Pada masa yang sama, Mesyuarat Jemaah Menteri juga telah meluluskan syor untuk meningkatkan norma perjawatan guru iaitu daripada nisbah 1.5n

kepada 1.7n. sebagaimana terkandung dalam memorandum yang sama. Norma perjawatan sedia ada ialah 1.5n iaitu 1.5 orang guru bagi setiap kelas telah diguna pakai sejak tahun 1982 dan sudah tidak lagi dapat memenuhi keperluan semasa. Peningkatan norma perjawatan guru ini akan dapat mengurangkan jumlah waktu mengajar guru dan sekali gus membolehkan para guru lebih fokus dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kelulusan ini juga adalah sejajar dengan cadangan yang terkandung dalam Laporan Kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru (TTG) yang disediakan oleh sekumpulan Pasukan Petugas Khas TTG KPM pada bulan Februari 2006.

8. Memperkasakan Bahasa Kebangsaan (4 Oktober 2006)

Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 dipinda bagi membolehkan DBP diberi kuasa membetulkan mana-mana kesalahan atau salah guna bahasa Kebangsaan yang dilakukan oleh mana-mana pihak.

9. Pemberian Peruntukan Khas Kepada Ahli Parlimen Bagi Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Dan Kebajikan Warga Sekolah, Kementerian Pelajaran (27 Jun 2007)

Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan pemberian peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk bersama-sama menjayakan agenda pendidikan di kawasan masing-masing. Selain itu, mesyuarat ini juga meluluskan pewujudan Majlis Permuafakatan PIBG di peringkat Parlimen dalam usaha menyemarakkan penglibatan PIBG.

Selain dasar-dasar baru yang mendapat kelulusan Jemaah Menteri, terdapat juga dasar-dasar baru yang telah diperkenalkan dalam PIPP. Antaranya dalam usaha memperkasakan sekolah kebangsaan, usaha telah dilaksanakan untuk menjadikan sekolah kebangsaan pilihan utama masyarakat Malaysia. Mulai Januari 2007, sebanyak 100 buah SK telah menawarkan Bahasa Cina (BC) dan 60 buah SK menawarkan Bahasa Tamil (BT) sebagai projek rintis dengan menggunakan tiga

Model Pengajaran. Projek rintis ini bertujuan untuk mendapatkan model terbaik bagi melaksanakan penawaran kedua-dua bahasa tersebut sepenuhnya pada tahun 2008. Bilangan murid yang sedang mengikuti kelas BC di SK seramai 1908 orang dan kelas BT seramai 668 orang. Daripada segi peluasan program j-QAF pula, sehingga Jun 2007, sebanyak 3,686 SK telah mengadakan kelas j-QAF melibatkan 618,439 orang murid Islam.

Dalam usaha membina negara bangsa yang mempunyai kecintaan terhadap seni warisan dan budaya bangsa, KPM telah mewujudkan dua buah Sekolah Seni di Johor dan Sarawak. Sekolah –sekolah diwujudkan dengan menumpang di SMK Mohd Khalid dan SMK Tun Abang Hj Openg bermula dengan pengambilan pelajar Tingkatan 1. Pelajar di sekolah ini akan mengambil semua mata pelajaran teras PMR serta pilihan dalam empat bidang Seni iaitu Pendidikan Seni Visual, Seni Muzik, Seni Teater dan Seni Tari. Pewujudan Sekolah Seni telah memberi peluang kepada pelajar yang berbakat dalam seni untuk mengembangkan keupayaan mereka dalam bidang kesenian. Sehubungan itu, pelajar lepasan sekolah seni akan berpeluang menyambung pengajian ke peringkat sijil, diploma dan Ijazah di jabatan dan agensi di bawah KeKKWA seperti Akademi Seni dan Warisan Negara (ASWARA), serta Institut Kraf Tangan Malaysia. KPM telah pun mengenal pasti tapak untuk pembinaan dua buah sekolah seni di Wilayah Pembangunan Iskandar Nusajaya di Johor dan di Santubong, Sarawak. Peruntukan untuk pembinaan Sekolah Seni dalam RMKe-9 ialah sebanyak RM 43.9 juta dan masih dalam peringkat perancangan. Satu Jawatankuasa Bersama KPM-KeKKWA telah dibentuk bagi menyemarakkan kegiatan kebudayaan dan kesenian serta memperkasakan kewujudan sekolah seni.

PROGRAM – PROGRAM PENDIDIKAN YANG DILAKSANAKAN

Bagi memastikan program-program dalam PIPP dilaksanakan dengan lancar, KPM telah pun mengenal pasti tumpuan dan keutamaan kepada teras tertentu bagi setiap bulan. Fokus mengikut bulan adalah seperti berikut :

Bulan	Program Yang Dilaksanakan
-------	---------------------------

Januari	Pelancaran PIPP
Februari	Merapatkan Jurang Pendidikan
Mac	Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan
April	Pembestarian Sekolah
Mei	Memartabatkan Profesion Keguruan
Jun	Membangunkan Modal Insan
Julai dan Ogos	Membina Negara Bangsa
September	Pendidikan Khas dan Mata Pelajaran Vokasional
Oktober	j-QAF, SAR dan Sek. Agama Negeri, Sek. Bantuan Modal, Sek. Swasta dan Sek. Antarabangsa
November	Memperkasakan Sekolah Kebangsaan
Disember	Memperkasakan SK - Kad Laporan 2

Walau pun, tumpuan dan keutamaan diberikan kepada teras tertentu mengikut bulan, KPM tetap melaksanakan agenda pendidikan serta teras-teras lain mengikut perancangan.

Bulan Januari - Pelancaran PIPP

Pada 16 Januari 2007, PIPP telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di *Putrajaya International Convention Center (PICC)*. Majlis pelancaran ini telah dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan seperti wakil –wakil Exco Pendidikan Negeri, tokoh-tokoh pendidikan, wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Kesatuan Guru dan warga KPM. Majlis ini merupakan platform pertama bagi memperkenalkan dan seterusnya menyebar luas perancangan dan pelan tindakan KPM untuk tempoh lima tahun yang akan datang.

Selain majlis pelancaran, KPM juga telah mengerakkan langkah meningkatkan kefahaman dan penghayatan pihak berkepentingan mengenai PIPP. Ini bermula dengan Perutusan Tahun Baru oleh YB Menteri Pelajaran pada 18 Januari 2007. Di

samping itu, seminar dan bengkel penerangan telah dimulakan pada 17 Januari 2007 kepada semua PPD/PPG seluruh negara.

Ceramah serta *roadshow* PIPP juga telah diberikan kepada kumpulan guru, guru besar, pengetua dan pegawai di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan, Ahli Dewan Undangan Negeri, Kelab Penyokong Kerajaan, Kesatuan Guru dan Badan Bukan Kerajaan bagi memastikan PIPP dapat difahami dan dihayati dengan jelas di peringkat pelaksana dan pihak berkepentingan. Sehingga kini, lebih 30 ceramah/taklimat telah diberikan tentang PIPP. Di samping menyampaikan taklimat mengenai PIPP, ceramah tersebut juga merupakan platform terbaik untuk KPM mendapat input tentang pelaksanaan PIPP pada peringkat negeri bagi tujuan penambahbaikan. Bagi menghebahkan dan mendapatkan input daripada orang ramai, PIPP juga telah dimuat turun ke Laman Web KPM (www.moe.gov.my).

Bulan Februari - Merapatkan Jurang Pendidikan

Bulan ini KPM telah memberi fokus usaha untuk merapatkan jurang pendidikan. Agenda merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar adalah penting kerana melibatkan jumlah sekolah yang besar iaitu sebanyak 5077 buah sekolah daripada 7513 buah sekolah rendah dan 792 dari 2045 sekolah menengah di kawasan luar bandar. Memandangkan pentingnya pembangunan pendidikan luar bandar, KPM telah bekerjasama dengan *National Implementation Task Force (NITF)* untuk menambah baik serta mendapat peruntukan tambahan di bawah Projek Berimpak Tinggi NITF.

Lanjutan daripada kerjasama ini, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Program Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar di Pulau Bum-bum pada 16 Februari 2007. Semasa pelancaran ini, tambahan RM2.6 bilion telah diperuntukkan di bawah Projek Berimpak Tinggi untuk merapatkan jurang pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak. Pembangunan infrastruktur ini akan memberi manfaat kepada 2.2 juta pelajar dan 14,000 guru di kawasan pedalaman.

Teras ini juga memberi penekanan kepada pendidikan Orang Asli dan Kaum Penan. Sebanyak 6 program *outreach* telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi memantapkan pendidikan murid-murid Orang Asli dan Penan supaya mereka tidak terus tercicir daripada sistem pendidikan kebangsaan. Antara program yang telah dijalankan ialah Program Sekolah Angkat IPG – Sekolah Orang Asli dan Program Mendefinisi Semula Sistem Persekolahan Orang Asli dan Penan supaya pendidikan yang diberikan lebih bersesuaian dengan budaya kehidupan kedua-dua kaum ini.

Bagi memastikan murid di kawasan luar bandar dan pedalaman mendapat pendidikan yang berkualiti dan setanding dengan pendidikan di kawasan bandar, usaha bagi menentukan guru-guru terlatih dan mengikut opsyen dapat terus ditempatkan di kawasan berkenaan juga diberi perhatian. Untuk ini, dua buah Institut Pendidikan Guru (IPG) iaitu IPG Miri dan IPG Keningau telah dikhususkan melatih guru untuk bertugas di kawasan pedalaman. Sehingga kini, setiap IPG telah mengambil 100 orang pelatih guru untuk tujuan tersebut. Selain itu, YAB Perdana Menteri juga telah bersetuju untuk memberi elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan (EKMLTK) antara RM 500 hingga RM1500 berdasarkan jarak dan tahap kesulitan kepada guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman yang membabitkan peruntukan tambahan sebanyak RM187 juta. Pada masa ini, sebanyak 12033 guru dan kakitangan sokongan telah dikenal pasti untuk mendapat elaun ini dan dibayar mulai Mei 2007. Elaun Balik Kampung (EBK) sekali setahun telah juga diluluskan untuk guru-guru di pedalaman.

Bagi memastikan usaha merapatkan jurang digital dari segi akses kepada kemudahan ICT antara lokasi dan penguasaan kemahiran ICT di kalangan murid dan guru di luar bandar dan pedalaman dapat ditingkatkan, tumpuan diberikan kepada penyediaan infrastruktur, perisian dan latihan. Daripada 1,579 projek makmal komputer, 110(7%) siap dan 724(40%) sedang dibina. Daripada 2,252 projek Pusat Akses, 1,260(56 %) siap dan 742(33%) sedang dibina. Dengan siapnya projek-projek ini, bilangan murid yang dapat manfaat daripada makmal komputer seramai 29,800 orang dan Pusat Akses seramai 342,300 orang.

Bulan Februari ini memperlihatkan KPM mempakej semula program-program bantuan di bawah skim Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Selain itu, KPM juga telah meningkatkan kadar bantuan makanan asrama dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) supaya murid dapat makanan lebih seimbang, segar dan berkhasiat. Kadar bantuan makanan asrama meningkat daripada RM6.70 kepada RM12.00 di Semenanjung Malaysia, daripada RM4.15 kepada RM12.00 - RM13.00 di Sabah dan daripada RM9.19 kepada RM12.00- RM3.00 di Sarawak. Kadar makanan mentah di Sarawak meningkat daripada RM4.00 kepada RM7.11. Kadar RMT pula meningkat daripada RM1.20 kepada RM1.80 di Semenanjung Malaysia dan daripada RM1.35 kepada RM2.05 di Sabah dan Sarawak. Lebih 280,000 murid mendapat manfaat makanan asrama dan 550,000 murid mendapat manfaat RMT.

Sejajar tema PIPP, yakni merintis pembaharuan, pelbagai pendekatan baru telah dirintis dalam usaha menangani masalah jurang pendidikan ini. Dalam usaha menangani masalah sekolah kurang murid di kawasan pedalaman, KPM telah merintis pembinaan sekolah-sekolah kabin sebagai alternatif kepada sekolah-sekolah konvensional. Sekolah kabin yang lebih "mobile" diharap dapat mengatasi masalah di kawasan mempunyai kemudahan persekolahan tetapi kurang murid. Selain dari sekolah kabin, KPM juga telah merintis usaha untuk menangani masalah bekalan elektrik 24 jam dengan lebih holistik dan menyeluruh. Usaha pembekalkan tenaga elektrik menggunakan teknologi Solar Diesel Hybrid kepada 276 sekolah akan diadakan dengan kerjasama antara KPM dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Jadual 1 : Pembekalan Kemudahan Asas

Kemudahan Asas	Rancang	Siap
Bekalan Elektrik 24 jam	728	432
Bekalan Air Bersih	153	141

Bulan Mac - Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

Agenda melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan selaras dengan pendekatan kedua dan teras ke enam dalam PIPP. Dalam melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan, strategi dengan pemberian lebih kuasa autonomi kepada sekolah telah dikenal pasti. Fokus bagi bulan Mac dimulakan dengan usaha mendapatkan maklum balas serta pandangan daripada pihak-pihak berkepentingan melalui penganjuran bengkel autonomi sekolah kluster pada 19 hingga 20 Mac 2007. Berdasarkan maklum balas serta pandangan pihak berkepentingan ini, KPM telah mengumumkan kuasa-kuasa autonomi am yang bakal dinikmati oleh sekolah-sekolah yang terpilih dalam kelompok cemerlang ini.

Dalam usaha melonjakkan kecemerlangan sekolah-sekolah ini, sebuah Jawatankuasa Panel Penasihat yang terdiri daripada 11 ahli panel yang pakar dalam pelbagai bidang telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini berperanan untuk memastikan pemilihan sekolah cemerlang dibuat secara telus dan mempunyai kredibiliti. Tugas pertama Lembaga Penasihat adalah untuk mengenal pasti 30 buah sekolah cemerlang dalam kelompok masing-masing. Sekolah-sekolah ini merupakan sekolah yang dirasakan terbaik dan mampu dijadikan contoh di kalangan jenis sekolah masing-masing. Senarai sekolah cemerlang yang terpilih dari setiap kelompok berserta *niche areas* yang dikenal pasti oleh sekolah sendiri seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Majlis Pengumuman 30 sekolah yang terpilih ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Pelajaran pada Mac 2007. Selain menasihati kaedah pemilihan sekolah, Lembaga Penasihat ini juga telah mengambil inisiatif untuk melihat contoh di negara lain dalam usaha memantapkan lagi program kluster cemerlang ini. Sebagai permulaan, Lembaga telah pun mengenal pasti pandangan dan pengalaman dari Singapura, melalui lawatan yang telah diadakan pada 20 hingga 23 Mei 2007.

KPM juga telah mengorak langkah untuk menentukan kepimpinan di peringkat sekolah terus perkasa agar mampu melaksanakan agenda melonjakkan kecemerlangan sekolah cemerlang yang terpilih dalam kelompok masing-masing. Oleh yang demikian, KPM telah pun merangka usaha sama dengan universiti-universiti terkemuka di dunia bagi mengadakan latihan dan kursus untuk Pengetua/Guru Besar sekolah tersebut. Sebagai permulaan KPM telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Kings's College London pada

30 Mac 2007 bagi menjalin kerjasama dalam melaksanakan program latihan kepimpinan kepada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah cemerlang. Mereka yang telah dipilih akan mengikuti latihan kepimpinan di King's College London dan ditempatkan secara sandaran di sekolah-sekolah di Britain selama dua bulan mulai Oktober 2007.

JADUAL 2 : SENARAI SEKOLAH CEMERLANG DAN NICHE AREAS

Bil	Nama Sekolah	Niche Areas
1.	Sekolah Menengah Sains Alam Shah (B), WP Putrajaya	Wind Orchestra/Rugby
2.	Kolej Islam Sultan Alam Shah (B), Selangor	Perbahasan/Public speaking
3.	Kolej Tunku Kurshiah (B), Negeri Sembilan	Perbahasan/ English language/school band
4.	Kolej Melayu Kuala Kangsar (B), Perak	Kepimpinan, Rugby dan basket ball
5.	SMS Tengku Muhammad Faris Petra (B), Kelantan	Perbahasan, Bola sepak
6.	SMK Penang Free (B), Pulau Pinang	Pancaragam, Kriket, Hoki dan Bola sepak
7.	SKM (P) Sri Aman (B), Selangor	Kepimpinan, Entrepreneurship merentasi kurikulum
8.	SMK Aminuddin Baki (B), WP Kuala Lumpur	Renang, Bola Baling, Catur dan Bola jaring
9.	SMK Sultanah Asma (B), Kedah	Sukan, Bola jaring
10.	SMK Sultan Sulaiman (B), Terengganu	Olahraga dan Bola sepak
11.	SMK Abdul Rahman Talib (B), Pahang	Program tahfiz, soft ball, kuiz sejarah dan memanah
12.	SMK Derma (B), Perlis	Lawn Ball, Enhancement in Math & Science
13.	SMK Gunung Rapat (B), Perak	Bowling, Olahraga, Rugby, Equestarian, Taekwando, Silat gayong
14.	SMK Victoria (B), WP Kuala Lumpur	School band, Rhetorika, Polo Air dan English drama
15.	SMK St John (B), WP Kuala Lumpur	Memanah, Hoki, Pancaragam, Old Boys Association
16	SMK Convent Bukit Nanas	Language (drama), Public speaking & Debate

Bil	Nama Sekolah	Niche Areas
	(Mision, B), WP Kuala Lumpur	
17.	SMT Tawau (B), Sabah	ICT, Bola jaring, Unit Berunifom, Pertahanan awam
18.	SMT Tuanku Jaafar (B), Negeri Sembilan	Inovasi dan kreativiti
19.	SMKA Sheikh Abdul Malek(B), Terengganu	Tafsir Al-Quran, Perbahasan
20.	SMKA Sharifah Rodziah, (LB) Melaka	Nasyid, Kadet Remaja Sekolah, Kadet Polis
21.	SMKA Al-Mashoor (L) (B), Pulau Pinang	Kokurikulum-aktiviti persatuan hingga ke peringkat antarabangsa
22.	SK Zainab 2 (B), Kelantan	Perbahasan, Language (English)
23.	SK Sri Gaya (B), Sabah	Sukan-larian, Bola jaring
24.	SK Infant Jesus Convent (Mision, B), Johor	Language (English), Public speaking
25.	SK Sultan Idris 2 (LB), Perak	Sukan- olahraga, Perbahasan
26.	SK Pengkalan Tereh (LB), Johor	Renang
27.	SK Ulu Lubai, Sarawak	Bahasa Inggeris dan Sukan
28.	SJK(Cina) Keat Hwa, Kedah	Language (Bahasa Cina)
29.	SJK(Tamil) Simpang Lima, Selangor	Bola sepak, Choral Speaking, memanah
30.	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Pulau Pinang	Inovasi

Bulan April - Pembestarian Sekolah

Bulan April memberi fokus kepada pelaksanaan dua program utama iaitu Program Pembestarian Sekolah, serta usaha pemantapan dan penjenamaan semula 88 buah sekolah bestari. Pembestarian sekolah merupakan proses berterusan ke arah pembudayaan penggunaan ICT dalam pendidikan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan pengurusan sekolah serta kompetensi guru. Program ini melibatkan usaha melengkapkan semua sekolah KPM dengan infrastruktur, perkakasan, perisian dan aplikasi, latihan guru serta pengurusan perubahan yang bersesuaian dan mencukupi.

YAB Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan Seminar Antarabangsa Sekolah Bestari yang melibatkan 250 delegasi dari 24 buah negara termasuk wakil UNESCO, Bank Dunia dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) pada 16 April 2007. Selain itu, Pameran Pendidikan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di Paris telah diadakan pada 2 April hingga 6 April 2007 memberi fokus pada perkembangan ICT dalam bidang pendidikan tempatan.

KPM akan memantapkan pelaksanaan 88 buah Sekolah Bestari supaya dapat dijadikan model dan penanda aras ke arah membestarikan kesemua 10,000 sekolah. Melalui usaha pemantapan dan penjenamaan semula ini, diharapkan 88 buah Sekolah Bestari berkenaan boleh dijadikan *showcase* dan rujukan kepada masyarakat dunia. KPM telah bekerjasama dengan Multimedia Development Corporation (MDeC) bagi menyediakan instrumen untuk mengukur tahap sekolah bestari yang menepati '*star ranking*' berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk penjenamaan semula dan penandaarasan bagi pemantapan sekolah-sekolah tersebut. Bagi membantu mempercepatkan usaha pembestarian sekolah, KPM telah menggalakkan kerjasama dengan pihak ketiga di luar KPM. Sehingga ini sebanyak 13 syarikat swasta telah melibatkan antaranya Intel Electronics (M) Sdn. Bhd, Mypresto.com Sdn. dan Advanced Micro Devices (AMD) dalam program perkongsian pintar yang membantu secara langsung inisiatif pembestarian sekolah yang melibatkan sebanyak 549 buah sekolah angkat.

Dalam Seminar Pembinaan Negara Melalui ICT anjuran KPM-UNESCO-USM, Malaysia telah diberi pengiktirafan terhadap aplikasi ICT dalam sistem pendidikan kerana Malaysia merupakan antara negara di rantau Asia Pasifik yang berjaya memajukan ICT secara bersepadu dalam pendidikan. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pelajaran 1 pada 27 Jun 2007 di Pulau Pinang.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan dalam Pembestarian Sekolah adalah seperti berikut :

- Meningkatkan Jalur Lebar bagi Sekolah Bestari dari 1 Mbps kepada 4 Mbps

- Peruntukan tambahan RM72 juta bagi mewujudkan sebanyak 1,600 pusat akses
- Peruntukan RM82 juta untuk kelengkapan tele persidangan, kemudahan telefon satelit dan faks tanpa talian di lebih 5,800 sekolah luar bandar dan pedalaman
- Peruntukan RM72 juta untuk menyediakan 5 unit PC bagi setiap kelas prasekolah
- Peruntukan RM113 juta untuk penyediaan perisian kursus bagi guru dan murid
- Perluasan akses *SchoolNet* kepada semua sekolah termasuk SABK
- Aplikasi Sistem Maklumat Murid menggunakan teknologi *Thin Client* bagi menyediakan maklumat dalam talian.
- SKM dan sekolah pedalaman disediakan makmal komputer menggunakan konsep kabin.
- Menyediakan TV Pendidikan berasaskan Web
- Menggunakan MyGfl sebagai '*one-stop*' portal untuk kesemua isi kandungan mata pelajaran.
- Mengelompokkan sekolah Orang Asli dan Penan dengan menggunakan sidang video untuk i) perkongsian pengetahuan berasaskan pengajaran dan pembelajaran, ii) perkongsian data dan iii) meningkatkan pencapaian dengan berkongsi maklumat antara satu sama lain.

Senarai penuh pencapaian program Pembestarian Sekolah sehingga Jun 2007 adalah seperti di **LAMPIRAN 4**.

Bulan Mei - Memartabatkan Profesion Keguruan

KPM sentiasa berusaha memartabatkan profesion keguruan supaya kekal dihormati bersesuaian dengan peranan penting para guru dalam pembangunan modal insan. Sehubungan itu, tiga komponen utama diberi penekanan dalam teras ini iaitu kualiti guru, kerjaya guru dan kebajikan guru.

KPM melaksanakan pelbagai pendekatan untuk memastikan setiap guru bukan sahaja terlatih dengan kemahiran asas pedagogi, namun mempunyai minat yang mendalam, menguasai kandungan subjek, memiliki kreativiti untuk membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlangsung dalam keadaan menarik dan berkesan. Pendekatan ini dilaksanakan melalui pemantapan latihan pra dan dalam perkhidmatan. Program latihan perguruan telah diberi penambahbaikan dalam pelbagai aspek seperti mengetatkan syarat dan kriteria pengambilan guru. Calon-calon guru akan melalui proses saringan seperti M-TeST (*Malaysian Teachers Selection Test*), pencapaian INSAK (Inventori Sahsiah Keguruan), temu duga, ujian kesihatan, tapisan keselamatan dan mendapat kecemerlangan pencapaian akademik. Mulai tahun 2007, KPM telah mengenakan syarat tambahan untuk Kursus Perguruan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (KPLSPM) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI).

Bagi KPLSPM, antara syarat baru ialah syarat umum 6 kredit termasuk mendapat kepujian dalam Sejarah selain Bahasa Malaysia, penglibatan aktif dalam ko-kurikulum, temu duga berkumpulan dan ujian bertulis Bahasa Inggeris, Cina, Tamil dan Arab untuk calon pengkhususan bidang bahasa. Setiap program pula mempunyai syarat khas masing-masing seperti untuk Program Pelajar Cemerlang (PPC), calon perlu mendapat minimum 7A dalam SPM termasuk A1 atau A2 bagi subjek Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi. Manakala bagi program KPLI, calon mesti mempunyai ijazah sarjana muda yang tepat dengan program perguruan yang dipohon selain mengambil kira prestasi pencapaian akademik di peringkat SPM iaitu 5 kredit termasuk Bahasa Malaysia. Selain itu, proses saringan tambahan meliputi ujian amali dan ujian bertulis bahasa bagi bidang pengkhususan berkaitan.

KPM dengan kerjasama *Asian Strategy & Leadership Institute* (ASLI) telah mengadakan Seminar Antarabangsa bertema “Pendidikan Guru: Dulu, Kini dan Untuk Masa Depan” pada 28 hingga 30 Mei 2007 yang dihadiri oleh 600 pemimpin pendidikan, ahli akademik, pensyarah, pengetua, guru besar, guru dan peserta dari institusi pendidikan dalam dan luar negara. Dalam ucap utama merasmikan seminar tersebut, YB. Menteri Pelajaran telah menerangkan pelbagai strategi dan

pendekatan yang digerakkan oleh KPM dalam memantapkan kualiti guru di Malaysia.

Selain usaha mengetatkan syarat kemasukan calon guru, KPM juga sedang dalam peringkat akhir menyediakan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai rujukan piawaian kualiti guru di seluruh negara. SGM berperanan sebagai sistem amaran awal supaya guru sendiri peka terhadap keperluan untuk melaksanakan usaha pengukuhan, peningkatan dan pemantapan ilmu, kemahiran serta personaliti. SGM mengandungi dua komponen khusus iaitu komponen standard (nilai dan amalan profesional keguruan, pengetahuan dan kefahaman berkaitan bidang keguruan serta kemahiran p&p) dan komponen keperluan (latihan meliputi kelayakan memasuki program dan latihan, penaksiran dan penilaian, kolaborasi, infrastruktur dan infostruktur). SGM akan dirintis kepada guru-guru *novice* di sekolah-sekolah sekitar Lembah Klang pada bulan Ogos 2007. Inisiatif ini sejajar dengan saranan yang dikemukakan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan ketika melancarkan Perayaan Hari Guru 2007 yang menyarankan para guru agar sentiasa mencari nilai tambah diri dengan terus belajar dan menambah ilmu untuk menjadi guru yang kekal relevan dengan tuntutan zaman.

Bersesuaian dengan agenda tersebut juga, KPM telah menambah jumlah biasiswa bagi para guru untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah lanjutan merangkumi peringkat Sarjana dan Kedoktoran di bawah Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Semasa Majlis Menjunjung Budi “Terima Kasih Cikgu” yang berlangsung pada 10 Mei 2007, YB. Menteri Pelajaran mengumumkan bahawa untuk tahun 2008, KPM telah menyediakan 620 biasiswa iaitu peningkatan sebanyak 42 peratus berbanding jumlah yang ditawarkan pada tahun 2007. Jumlah ini melibatkan 445 tempat untuk pengajian di peringkat Sarjana dan selebihnya 175 tempat dikhaskan untuk peringkat Kedoktoran. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 75 tempat ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Penawaran biasiswa ke luar negara ini adalah untuk bidang-bidang baru dan spesifik yang tidak terdapat di institusi pengajian tinggi awam tempatan dan bidang-bidang sedia ada yang masih kurang kepakaran tempatan. Peluang ini terbuka kepada semua guru tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dan kesesuaian bidang yang ditawarkan dengan opsyen dan pengkhususan ijazah pertama mereka.

Selain daripada memberi ruang dan peluang pembangunan profesionalisme untuk para guru, pertambahan ini adalah untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar bagi Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Aminuddin Baki (IAB). KPM mengunjurkan peningkatan keperluan pensyarah akan berlaku khususnya dengan naik taraf Maktab Perguruan kepada IPG dan pembukaan kampus baru IAB di Nilai, Negeri Sembilan. Butiran pertambahan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan adalah seperti **LAMPIRAN 5**.

Pada masa ini, KPM sedang mengkaji gerak kerja susulan dalam usaha pemantapan latihan perguruan hasil menaikkan taraf Maktab Perguruan kepada IPG seperti yang telah diisytiharkan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri pada 6 Mei 2006. Antara langkah yang sedang dilaksanakan adalah menyediakan draf pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 bagi membolehkan YB Menteri Pelajaran menganugerahkan ijazah kepada lepasan IPG. Pindaan Akta ini dijangka akan dapat dibentangkan di Parlimen pada tahun ini. Selain IPG, KPM juga bercadang untuk menaik taraf bahagian yang bertanggungjawab dalam aspek latihan perguruan iaitu Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Institut Aminuddin Baki (IAB). Langkah ini melibatkan pendekatan untuk memperkemas struktur dan fungsi bahagian berkenaan serta menyediakan unjuran keperluan tenaga kerja. Pendekatan ini juga amat penting untuk menyelaraskan peranan dan fungsi BPG, IAB dan IPG dalam melaksanakan pelbagai program latihan.

Seiring dengan hasrat tersebut, pada 1 Mei 2007, YB. Menteri Pelajaran telah mengumumkan bahawa KPM akan mengemukakan kertas cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mewujudkan sebuah jabatan khusus di KPM yang bukan hanya melihat kepada aspek latihan guru semata-mata, tetapi juga turut melihat kepada aspek pembangunan profesionalisme keguruan secara keseluruhannya. Ini meliputi bidang pengurusan IPG dan IAB, pembangunan staf, penyelarasan pelbagai bentuk latihan, hal ehwal pelatih dan guru selain daripada pelaksanaan tugas utama dalam bidang pendidikan guru.

KPM juga telah mendapat kelulusan peruntukan khas sebanyak RM40 juta daripada Kementerian Kewangan pada Februari 2007 bagi melaksanakan program latihan khas dalam perkhidmatan. Di antara fokus utama program latihan ini adalah untuk:

- a) menjalankan latihan berterusan bagi pemimpin dasar dan pemimpin institusi pendidikan memupuk perpaduan rakyat, semangat cinta negara dan integrasi nasional;
- b) meningkatkan keupayaan dan peningkatan ilmu pengetahuan dan kompetensi pelajar melalui kepimpinan modal insan, intelek dan pembelajaran sepanjang hayat;
- c) memperkasakan sekolah kebangsaan melalui pemantapan kepimpinan Pengetua dan Guru Besar ;
- d) merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan pelajar dengan meningkatkan keupayaan kepimpinan sekolah;
- e) meningkatkan profesionalisme perguruan dengan memperkasa peranan Institut Aminuddin Baki (IAB) untuk menilai dan melatih sumber tenaga pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang terbaik; dan,
- f) memastikan kepimpinan teguh dan berkesan dalam usaha untuk melonjakkan kecemerlangan pendidikan dan institusi pendidikan dengan memantapkan pelbagai latihan kepimpinan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB).

Selain itu, KPM telah memperkenalkan program *Coaching and Mentoring* kepada Pengetua/Guru Besar Sekolah. Pada 3 Mei 2007, YB. Menteri Pelajaran telah menyampaikan watak kepada seramai empat orang Pengetua Cemerlang JUSA C yang telah bersara untuk menjadi Perunding Kanan Latihan bagi memimpin Pengetua/Guru Besar ke arah kecemerlangan kepimpinan sekolah. Dari aspek prasarana fizikal latihan, sehingga 2007, sebanyak 8 buah IPG sedang dalam proses naik taraf sepenuhnya dan sebanyak tiga buah IPG akan dijadikan *Teaching School* bagi memantapkan latihan perguruan. KPM juga telah menyediakan kertas konsep pembangunan Kompleks Pendidikan Nilai di Negeri Sembilan yang bernilai RM1.3 bilion di atas tapak keluasan 728.22 hektar. Kompleks ini akan dibangunkan berorientasikan profesion keguruan yang antara lain akan menempatkan Kampus Induk IPG, Kampus Tambahan Institut Aminuddin Baki (IAB), Pusat Latihan Bahasa Inggeris (ELTC), Kuarters Pendidikan dan Institut Pendidikan Khas.

Program Pengantarabangsaan Latihan Perguruan juga telah diperkenalkan sebagai usaha ke arah meningkatkan kualiti latihan perguruan di IPG dan sekali gus mendapat pengiktirafan antarabangsa. Selain penambahan jumlah penghantaran

pelajar Program B.Ed TESL, program-program baru yang telah dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat adalah Program bersama Beijing Foreign Studies University dalam Bahasa Cina sebagai Bahasa Kedua dan Program Kolaborasi Sarjana Muda Pengajaran Sekolah Rendah yang melibatkan kerjasama dengan 9 buah Universiti Luar Negara. Selain itu, KPM juga telah merintis kerjasama dengan University Franche-Comte, Perancis untuk Program Bahasa Perancis.

KPM telah merintis sejarah baru dalam pengantarabangsaan latihan guru dengan melatih guru-guru dari Aceh, Indonesia dan Selatan Thailand. Selain itu, bagi memantapkan pendidikan Islam di peringkat antarabangsa, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan untuk menubuhkan Institut Pembangunan Pendidikan Islam (IPPI) pada Oktober 2006. Fungsi IPPI adalah untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan pendidikan bagi membangunkan semula kegemilangan tamadun Islam di peringkat antarabangsa.

Laluan kerjaya juga diberi keutamaan dengan meningkatkan kuota Pengetua dan Guru Cemerlang dengan peluasan Skim Pengetua Cemerlang, Guru Cemerlang dan pewujudan skim baru Guru Besar Cemerlang. Bagi Pengetua Cemerlang sebanyak 10 jawatan diperuntukkan untuk JUSA C, seramai 200 untuk DG54, seramai 400 untuk DG52, manakala untuk guru cemerlang sebanyak 24 untuk Gred Khas C, seramai 100 untuk DG54, seramai 250 untuk DG52, seramai 1000 untuk DG48 dan seramai 4000 untuk DG44 dan bagi Guru Lulusan Diploma 800 jawatan untuk DGA34, dan 3200 untuk DGA32. JPA juga telah meluluskan lapisan gred baru DGA38 bagi jawatan Guru Besar Cemerlang. Dalam tempoh lima tahun disasarkan sebanyak 1700 jawatan DGA38 akan diisi. Butiran pertambahan kuota bagi skim-skim ini adalah seperti di **LAMPIRAN 6**.

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn sempena pelancaran Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2007. Yayasan ini akan berfungsi untuk menjaga segala aspek kebajikan dan pembangunan guru seperti bantuan khairat, bencana kecemasan, pendidikan anak-anak dan pembangunan profesionalisme keguruan. Geran awal sebanyak RM100 juta telah diluluskan oleh pihak kerajaan untuk yayasan ini selain menggabungkan keupayaan sedia ada yang dimiliki oleh entiti-entiti guru sedia ada seperti Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) dan Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB).

Bulan Jun - Membangunkan Modal Insan

Bulan Jun memberi fokus kepada pembangunan Modal Insan. Seperti mana saranan YAB Timbalan Perdana Menteri semasa Majlis Penutupan Gala Kokurikulum Peringkat Kebangsaan. KPM sedar akan pentingnya pendidikan yang menyeluruh yang menekankan kepada dua tonggak utama iaitu i) pemikiran secara kritis dan kreatif dan ii) pembentukan karakter. Dalam usaha pembentukan karakter pelajar, fokus diberi kepada usaha menghidupkan dan meningkatkan penerimaan semua pihak akan pentingnya aktiviti kokurikulum.

Bagi menggerakkan penglibatan lebih aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum, KPM telah menggandakan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan. KPM bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) serta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) bagi memperkasakan pengurusan koperasi sekolah di seluruh negara. KPM juga bercadang untuk mengenengahkan konsep koperasi sekolah ke luar negara, terutama di kalangan negara ASEAN supaya pengalaman pelajar dikongsi rakan sebaya. Sehingga ini, sebanyak 1,887 sekolah menengah telah mempunyai koperasi sekolah. Program usahawan muda diperkenalkan di sekolah dengan kerjasama MeCD. Program ini bertujuan untuk memberi bimbingan, kemahiran dan ilmu berkaitan keusahawanan kepada pelajar. Setakat ini seramai 13500 pelajar dari 566 sekolah menengah telah menyertai program berkenaan dengan jumlah syarikat ditubuhkan sebanyak 560 buah.

Daripada segi pemuliharaan alam sekitar, KPM bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kempen Hari Pokok Sedunia telah dilancarkan di SK Bukit Damansara yang bertujuan untuk memupuk rasa kecintaan kepada alam sekitar. Semua sekolah di seluruh negara telah diarah menanam sekurang-kurangnya tiga batang pokok sebelum September 2008 sebagai sokongan kerajaan dan rakyat Malaysia kepada kempen ini.

Tahun ini, KPM bersama Kementerian Pengajian Tinggi juga telah mula melaksanakan syarat 10 peratus penglibatan ko-kurikulum sebagai salah satu syarat untuk pelajar memasuki IPTA. KPM juga telah memperkenalkan borang penilaian

yang standard bagi pengiraan markah kokurikulum pelajar. Penilaian ini menggunakan konsep dan format baru iaitu sekurang-kurangnya rekod dua tahun prestasi pelajar diambil kira. KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah bersetuju bahawa penilaian prestasi kokurikulum pelajar adalah berasaskan dua bidang terbaik daripada tiga bidang yang disertai iaitu badan beruniform, persatuan/kelab dan sukan/permainan pada setiap tahun persekolahan.

Dalam usaha melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan inovatif, KPM juga telah meluaskan kerjasama dengan pihak profesional dalam menentukan kurikulum yang relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Pada 25 Jun yang lepas, majlis persefahaman di antara KPM dengan badan-badan profesional perakaunan; ACCA dan LCCI, telah ditandatangani. Di bawah memorandum persefahaman ini, pelajar yang mengambil Prinsip Perakaunan diberi pengecualian menduduki kertas 1 dan kertas 2 bagi Level 1 ACCA sementara untuk LCCI pula, mereka dikecualikan menduduki Level 1 dan Level 2. Memorandum persefahaman itu juga melibatkan penglibatan Lembaga Peperiksaan Malaysia yang akan melihat kepada sistem serta proses pentaksiran mata pelajaran tersebut bersama-sama dengan badan-badan profesional.

PIPP juga telah memberi pengukuhan kepada program Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K) dengan mewujudkan kerjasama KPM dengan pelbagai pihak. KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Induk 3K yang bertanggungjawab dalam bidang-bidang seperti keselamatan murid, bencana alam, keselamatan fizikal sekolah dan asrama, sosial /persekitaran dan lokasi sekolah, CCTV dan fungsi kontraktor keselamatan di sekolah. Selain itu, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menyediakan garis panduan mengatasi dan membersihkan persekitaran sekolah selepas banjir, aspek kebersihan kantin dan pengendalian makanan, kontraktor kebersihan dan pengusaha bas sekolah. Jawatankuasa ini juga telah mengadakan beberapa siri lawatan untuk melihat mangsa banjir serta mewujudkan pasukan petugas khas atau *flying squad* untuk memantau kebersihan dan kualiti makanan di kantin di seluruh negara. KPM juga bercadang untuk menganjurkan Seminar Pengurusan Dan Kualiti Makanan Untuk Pengusaha Kantin dan Pengetua/Guru Besar serta penyelia asrama pada bulan ini.

Pelancaran Projek Kijang Emas Majlis Sukan Sekolah-Sekolah (MSSM), Kelantan pada 21 Jun 2007 melihatkan komitmen dan kesungguhan KPM dalam agenda sukan prestasi tinggi. Untuk menyokong agenda ini KPM akan membina tiga lagi sekolah sukan membabitkan kos RM240 juta dalam usaha melahirkan lebih ramai jaguh sukan negara. Tiga sekolah sukan yang dirancang dibina di Perlis, Pahang dan Sabah sebagai tambahan kepada Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP) dan Sekolah Sukan Bukit Jalil. Cadangan pembinaan sekolah sukan tersebut telah dihantar kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sukan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Tambahan sekolah sukan bertujuan untuk membolehkan KPM membahagikan setiap sekolah mengkhususkan sukan tertentu dengan setiap mengendalikan tidak lebih 16 jenis sukan. Pada masa ini, KPM akan menaik taraf SSBP dan SSBJ yang membabitkan kos RM13.4 juta.

Ketika merasmikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM) ke 117 pada 24 Jun 2007, YB Menteri Pelajaran menjelaskan bahawa KPM sedang mengkaji kemungkinan memasukkan kemahiran pertolongan cemas dalam sukatan pelajaran dan kokurikulum bagi melengkapkan 5 juta pelajar dengan pengetahuan dan teknik ketika berhadapan kecemasan dan kemalangan di rumah. Sehingga kini seramai 271,957 pelajar sekolah menengah dan 34, 897 murid sekolah rendah menjadi ahli PBSM. Manakala sebanyak 1,628 sekolah menengah dan 741 sekolah rendah menawarkan PBSM sebagai aktiviti kokurikulum. YB Menteri juga mencadangkan agar aktiviti sebegini diperluaskan lagi di sekolah rendah.

KPM juga telah menganjurkan Gala Kokurikulum Kebangsaan 2007 di Pusat Kokurikulum JPNS, Negeri Sembilan pada 28 Jun 2007 yang melibatkan seramai 1150 pelajar dari pelbagai latar belakang mempamerkan kebolehan masing-masing dalam pelbagai cabang kokurikulum seperti kawad kaki unit beruniform, kebudayaan, silat, tae kwan do dan pancaragam. Daripada jumlah tersebut, 460 orang adalah terdiri daripada ahli-ahli Kelab Rukun Negara yang telah pun memulakan perkhemahan sejak 24 Jun 2007. Gala ini yang merupakan kemuncak kepada sambutan Bulan Kokurikulum itu telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Selaras dengan matlamat KPM untuk menyediakan peluang untuk mendalami seni dan warisan berkaitan dengan muzik, satu pertandingan *Wind Orchestra* Sekolah Berasrama Penuh Kali ke 9 telah diadakan. Dalam pertandingan tersebut, Sultan Alam Shah telah menjadi johan. Penawaran pendidikan muzik di SBP sebagai wadah untuk membangunkan potensi pelajar dalam bidang seni. Sehingga kini sebanyak 179 buah sekolah menengah telah menawarkan Pendidikan Muzik dan seramai 13500 pelajar telah mengikuti pelajaran tersebut. 85 peratus sekolah rendah dan 90 peratus sekolah menengah telah menubuhkan kelab berkaitan kesenian dan menganjurkan aktiviti muzik secara berkumpulan. Selain itu, KPM turut menganjurkan Konsert Diraja Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai *showcase* terhadap penglibatan pelajar dan warga pendidikan untuk menghargai seni dan warisan budaya negara.

Semasa melancarkan Program Bijak Menabung Kerjasama KPM dan Bank Rakyat di SMK Paloh pada 22 Jun 2007, YB Menteri Pelajaran menegaskan bahawa usaha bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri pada masa akan datang, akan dilaksanakan dengan mempackagekan semula program kokurikulum. Selain itu, KPM akan mengeluarkan garis panduan untuk menyelaraskan program kokurikulum untuk kegunaan semua pihak yang terlibat.

PENUTUP

Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan Malaysia, tumpuan bukan saja diberikan kepada perkembangan pendidikan dalam negara tetapi juga pada peringkat antarabangsa. Langkah ini adalah perlu dan amat signifikan pada masa ini bagi menyediakan generasi masa hadapan Malaysia yang lebih kompetitif, holistik, berketerampilan serta mampu bersaing di peringkat global. Untuk tujuan itu, KPM telah memperkenalkan inisiatif pengantarabangsaan pendidikan yang merangkumi segala usaha yang dijalankan bagi meletakkan pendidikan Malaysia setaraf dengan pendidikan negara-negara maju. Maklum balas yang diperolehi daripada pertemuan-pertemuan dua hala dan juga pelbagai hala menjurus kepada pengiktirafan daripada negara lain bahawa Malaysia telah pun mengamalkan amalan terbaik '*best*

practices' dalam beberapa cabang bidang pendidikan dan mampu dijadikan rujukan oleh negara luar.

Pengiktirafan terhadap peranan Malaysia dalam bidang pendidikan oleh Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) sewaktu Mesyuarat Majlis SEAMEO ke 42 di Bali, Indonesia pada bulan Mac 2007 dan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sewaktu rangka lawatan YB Menteri Pelajaran ke Perancis pada bulan April 2007 memperkukuhkan inisiatif Kementerian Pelajaran untuk meletakkan pendidikan Malaysia di platform antarabangsa. Sehubungan itu, Pameran Meraikan 50 Tahun Kejayaan Pendidikan Malaysia telah berjaya diadakan di Ibu Pejabat UNESCO sempena lawatan kerja tersebut.

Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia mendapat pengiktirafan daripada *International Bureau of Education* di Geneva apabila digunakan menggubal kurikulum Pendidikan Islam di Aghfanistan. Selain itu, Thailand juga telah memohon Malaysia membantu menggubal kurikulum Pendidikan Islam dan latihan perguruan di Selatan Thailand. Sebagai permulaan, seramai 100 orang guru agama dari Selatan Thailand akan dihantar ke Malaysia bagi mengikuti latihan jangka pendek "Penggunaan Media Dalam Pendidikan Islam". Selain itu, seramai 60 orang pelajar dari Selatan Thailand juga akan ditempatkan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang, Selangor dan SMAP Labu, Negeri Sembilan bagi menyambung pengajian yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran.

Buat pertama kalinya, lawatan rasmi YB Menteri Pelajaran ke Republik Rakyat China pada bulan Mei 2007 telah menyingkap lembaran baru sejarah perhubungan dua hala Malaysia-China dalam bidang pendidikan. Ianya merupakan titik permulaan kepada lebih banyak perkongsian pengalaman dan bertukar pandangan berhubung pembangunan sekolah sukan, sekolah seni dan juga bidang pendidikan khas.

KPM telah memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan pendidikan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, namun masih banyak bidang yang memerlukan tumpuan dibangunkan. KPM tidak dapat melaksanakan segala pembaharuan tanpa sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak. Menjadi

harapan KPM supaya semua individu, agensi dan kementerian di luar KPM dapat bekerjasama bagi menyokong agenda pendidikan seperti yang dirancang kerana pendidikan adalah tanggungjawab bersama.